

D976

U 6042 DEB
MAHATHIR - ISLAM

KUALALUMPUR, 25 OKT (BERNAMA) -- ORANG ISLAM PERLU MENUNJUKKAN KEUPAYAAN DAN KEJAYAAN MEREKA, SEBAGAI SATU CARA +BERDAKWAH+ UNTUK MENARIK ORANG LAIN MENGANUTI ISLAM, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU BERKATA JIKA MEREKA **BOLEH** MENJAGA IMEJ ISLAM SEBAGAI AGAMA YANG MEMENTINGKAN SETIAP ASPEK **KEHIDUPAN**, ORANG LAIN AKAN TERTARIK UNTUK MENGETAHUI DAN MENDEKATINYA.

+JIKA ORANG ISLAM HIDUP MELARAT DAN TIDAK DAPAT MEMBANGUNKAN MASYAKATNYA SETANDING DENGAN KAUM LAIN, SUDAH PASTI MEREKA DIPANDANG HINA DAN USAHA MENARIK ORANG BUKAN ISLAM AKAN GAGAL,+ KATANYA SEMASA JAMUAN MALAM MERAIKAN PESERTA IJTIMAK ULAMA SE-MALAYSIA DI PUSAT ISLAM DI SINIMALAM INI.

MENURUTNYA, KEJAYAAN DAN KEMAJUAN YANG DIKECAPI OLEH ORANG ISLAM AKAN MENJADI TARIKAN KEPADA BUKAN ISLAM DAN SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MENAMBAHKAN BILANGAN UMAT ISLAM DI DUNIA INI.

BELIAU BERKATA UMAT ISLAM DI NEGARA **INIPATUT** BERBANGGA KERANA ISLAM MENJADI AGAMA RASMI WALAUPUN PENDUDUK ISLAM CUMA BERJUMLAH KIRA-KIRA **50**, PERATUS BERBANDING DENGAN NEGARA LAIN YANG TIDAK BERKEUPAYAAN BERBUAT DEMIKIAN SEPERTI **DI NIGERIA. -- LAGI.**

2208MST 25 10 89

D978

U **B043** DEB
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

+NIKMAT ITU PERLU DIGUNAKAN DENGAN SEBAIK-BAIKNYA UNTUK KEBAIKAN **SEMUA** PIHAK DAN TIDAK KE ARAH YANG MEMECAHKAN PERPADUAN SESAMA ISLAM ATAU **DENGAN BUKAN ISLAM,+ KATANYA.**

BELIAU **BERKAYA** SEMASA BERLANGSUNGNYA PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (**CHOGM**) DI SINI **MINGGULEPAS**, RAMAI DI KALANGAN KETUA BUKAN ISLAM KAGUM DENGAN KEJAYAAN PEMBANGUNAN MALAYSIA DAN TAHAP KEHIDUPAN ORANG ISLAM YANG DAPAT **HIDUP** BERSAMA DENGAN MASYARKAT BUKAN ISLAM.

+BEBERAPA ORANG PEMIMPIN NEGARA AFRIKA KAGUM DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA **KITA** KERANA **SEBELUM INI** MEREKA SANGKA KEADAAN **DI SINISAMA** SEPERTI DI NEGARA **MEREKA,+ KATANYA.**

MENURUT BELIAU, SEBELUM INI MEREKA TIDAK **MAHU** DATANG KE **SINI** TETAPI LEBIH TERTARIK UNTUK KE SINGAPURA KERANA KEMAJUANNYA. TETAPI APABILA BERADA DI SINI SEMASA **CHOGM**, MEREKA KAGUM DENGAN YANG ADA **DI SINI.**

+KITA TIDAK MAHU MENDABIK DADA DENGAN KEJAYAAN ITU TETAPI I A DAPAT MENJADI BUKTI BAHAWA NEGARA ISLAM **JUGA** DAPAT MEMBANGUN SETANDING ATAU MELEBIHI NEGARA MAJU YANG KEBANYAKANNYA **NEGARA BUKAN ISLAM,+ TAMBAHNYA.**

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA **RATU ELIZABETH 11** SEMASA MELAWAT **MASJID SULTAN SALAHUDDIN SHAH DI SHAH ALAM BARU-BARU INI** KAGUM DENGAN KEADAANNYA DAN KEJAYAAN MEMBINA BANGUNAN **ITU** YANG MENCERMINKAN **+ISLAM** SECARA MATERIAL+.

SEBELUM **ITUPERDANA** MENTERI MENUNAIKAN SEMBAHYANG MAGHRIB DAN MENYERTAI MAJLIS TAHLIL YANG TURUT DIHADIRI OLEH MENTERI **DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR YUSOF NOR** DAN SETIAUSAHA PARLIMEN **KEMENTERIAN PENERANGAN, DATUK HAJI DUSUKI AHMAD. -- BERNAMA.**

2213MST 74 10 89